



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**GELEMBUNG PELANCONGAN DOMESTIK PROJEK RINTIS LANGKAWI:
KEPERLUAN MENJALANI UJIAN COVID-19 SEBELUM BERLEPAS**

YAB Perdana Menteri pada 2 September mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju untuk membuka sektor pelancongan di beberapa destinasi di bawah program gelembung perjalanan dengan Langkawi dipilih sebagai projek rintis bermula 16 September. Kejayaan Projek Rintis Langkawi sebagai gelembung pelancongan domestik pertama ini sangat penting dalam menentukan hala tuju pembukaan destinasi gelembung pelancongan domestik yang seterusnya.

Antara faktor yang dipertimbangkan dalam melaksanakan projek rintis Gelembung Pelancongan Langkawi ini termasuk liputan imunisasi lengkap penduduk dewasa di pulau tersebut yang telah mencapai 89.9 peratus manakala 91.8 peratus penduduk dewasa menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin dan kesediaan operator-operator pelancongan untuk menerima kedatangan pelancong.

Walau bagaimanapun, projek rintis ini perlu dilaksanakan dengan berhati-hati bagi memastikan ia berjalan lancar dan tidak menyebabkan berlakunya peningkatan kes serta kluster baharu. Atas sebab itulah, kerajaan perlu memastikan setiap pelancong yang akan bercuti ke Langkawi telah menerima vaksinasi lengkap, bukan kes positif COVID-19 dan bukan kontak rapat kepada kes positif.

Sehubungan itu, kerajaan telah memutuskan untuk mewajibkan setiap pelancong yang akan bercuti ke Langkawi bermula 16 September 2021 menjalani ujian pengesanan COVID-19 sebelum memulakan perjalanan melalui cara-cara berikut:

1. Menjalani ujian pengesanan COVID-19 (RT-PCR atau RTK-Antigent) di mana-mana fasiliti kesihatan dan makmal swasta dalam tempoh 48 jam sebelum tarikh berlepas. Keputusan ujian hendaklah dibawa bersama untuk pemeriksaan di pintu masuk (lapangan terbang atau terminal feri) sebelum berlepas; atau
2. Pelancong boleh membeli kit ujian sendiri saliva dan membawanya ke lapangan terbang atau terminal feri untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19 di tempat saringan yang disediakan; atau
3. Pelancong boleh membeli kit ujian sendiri *saliva* melalui perkhidmatan yang akan disediakan oleh pihak swasta di tempat saringan di lapangan terbang atau terminal feri dan menjalani ujian pengesanan di situ.

Ujian pengesanan ini akan dilakukan ke atas individu dewasa (18 tahun ke atas) serta remaja dan kanak-kanak berusia 7-17 tahun. Bagi kanak-kanak berusia 6 tahun dan ke bawah, hanya saringan gejala akan dilakukan mengambil kira keupayaan mereka untuk mengeluarkan *saliva*. Kumpulan kanak-kanak ini MESTI bersama ibu bapa atau penjaga yang telah lengkap vaksinasi, bukan kes positif atau kontak rapat kepada kes positif dan hendaklah mematuhi SOP yang ditetapkan.

Ujian pengesanan COVID-19 yang dijalankan di lapangan terbang dan terminal feri terlibat akan dipantau dan disahkan oleh anggota kesihatan yang bertugas. Bagi mereka yang didapati negatif COVID-19, mereka dibenarkan untuk meneruskan perjalanan, manakala individu yang didapati positif COVID-19, mereka tidak dibenarkan untuk meneruskan perjalanan dan akan diuruskan sebagaimana SOP pengurusan kes positif COVID-19 dan kontak rapat yang sedia ada.

Saya ingin memberi penekanan bahawa pelaksanaan gelembung pelancongan ini tidak bermakna Kerajaan memberi kelonggaran kepada masyarakat untuk tidak mengamalkan tindakan kesihatan awam sendiri seperti memakai pelitup muka, penjarakan fizikal dan mencuci tangan dengan kerap. Semua amalan ini kelihatan mudah tetapi ia mampu melindungi kita daripada jangkitan virus COVID-19 dan mencegah daripada berlakunya penularan jangkitan kepada individu lain.

Saya juga ingin tegaskan bahawa kejayaan untuk membawa negara keluar dari pandemik ini tidak hanya bergantung kepada usaha dan strategi kerajaan tetapi juga sangat bergantung kepada tahap pematuhan masyarakat kepada SOP yang telah ditetapkan. Sekiranya masyarakat mengambil mudah kelonggaran yang diberikan, tidak mustahil situasi jangkitan kembali menjadi teruk.

Sehubungan itu, saya amat berharap agar seluruh masyarakat dapat memanfaatkan kelonggaran yang diberikan dan terus mengamalkan pembudayaan norma baharu dalam menjalani kehidupan seharian kita. Ingatlah, kejayaan membendung pandemik ini melibatkan penglibatan dan pendekatan menyeluruh kerajaan serta masyarakat.

Sekian, terima kasih.

KHAIRY JAMALUDDIN
Menteri Kesihatan

15 September 2021